

03 JUL 1998

PM-DANA/I

PM: TIADA MASALAH KUMPUL DANA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sepatutnya tiada sebarang masalah dalam mengumpulkan sumber kewangan bagi dana pembangunan prasarana dan Danaharta kerana terdapat banyak tabung disediakan di dalam dan luar negara.

Katanya tabungan daripada dana pembangunan prasarana akan juga memberi kesan sampingan kepada 140 sektor perniagaan selain daripada pembinaan.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan Setiausaha Perbendaharaan AS, Robert E Rubin yang menafikan bahawa beliau (Rubin) menyokong rejim kadar faedah rendah bagi Malaysia.

"Tetapi itulah tanggapan yang saya terima. Bagaimanapun, negara kita perlu mempunyai kadar faedah rendah agar sektor perniagaan negara ini terselamat," kata Dr Mahathir pada persidangan media di sini.

"Jika beliau (Rubin) menyatakan beliau tidak menyatakan begitu, ia bukan menjadi masalah kepada kita, kita tidak meminta sokongan daripada mereka," tambah.

Semalam, Rubin menyangkal laporan akhbar Malaysia bahawa ketika dalam satu mesyuarat berasingan dengan Dr Mahathir beliau telah mencadangkan penurunan dalam kadar faedah di Malaysia.

"Saya tidak bersetuju," Rubin terlah berkata.

Kerajaan telah meluluskan beberapa projek asas prasarana seperti pembinaan jalan raya, pembekalan air dan elektrik, tetapi projek-projek ini terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan wang.

Bagaimanapun, projek-projek itu kini boleh dilaksanakan berikutan peruntukan RM5 bilion yang diumumkan untuk projek prasarana.

Ditanya sama ada tambahan dalam perbelanjaan kerajaan persekutuan untuk projek-projek prasarana akan dicontohi oleh kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata: "Terpulanglah setakat yang kita mampu."

Dalam memperolehi tabung dari luar negara, beliau berkata Malaysia terpaksa membuat pinjaman berdasarkan kadar komersil, kecuali dalam kes di mana sesebuah negara bersedia memperuntukkan bantuan kewangan mengikut syarat yang munasabah.

Misalnya, katanya, Malaysia meminjam dari Jepun untuk beberapa projek dan telah juga mengumpul tabung dari pasaran modal.

Ditanya jika mendapatkan dana dari seberang laut dengan disertai pulangan yang lebih tinggi akan menimbulkan tekanan ke atas kadar faedah tempatan, katanya: "Tidak, kita meminjam pada kadar faedah yang rendah dari sumber luar negara tetapi kadar faedah dalam negerilah yang sebenar tinggi."

Beliau menambah Malaysia hanya meminjam apa yang diperlukannya.

Dr Mahathir juga menggesa para kakitangan dan pegawai kerajaan supaya mempercepatkan prosedur dan proses kerana "masa adalah wang".

Beliau berkata sekiranya di masa lalu proses mendapat kelulusan mengambil masa sebulan, mereka (kakitangan kerajaan) perlu bekerja lebih keras bagi mengurangkan masa kepada seminggu ataupun dalam beberapa hari.

Perdana menteri berkata itulah sebabnya mengapa negara ini mengamalkan dasar persyarikatan Malaysia kerana sektor swasta menyediakan kewangan untuk pentadbiran kerajaan.

Misalnya, sebuah syarikat yang mencatat keuntungan RM2 bilion akan menghasilkan pendapatan RM560 juta kepada kerajaan berdasarkan cukai korporat 28 peratus.

"Sebab itulah dasar Persyarikatan Malaysia adalah untuk tolong menolong

antara kerajaan dan swasta dan keuntungan syarikat penting bagi kita."

Beliau berkata perkhidmatan yang dipertingkatkan yang disediakan oleh kakitangan kerajaan dalam membantu syarikat mendapat keuntungan boleh disalurkan semua kepada mereka dalam bentuk elaun dan serta gaji serta membantu negara dalam pemulihan ekonomi.

-- BERNAMA

AD ZK MA